



## PROFESIONAL INTERVIEW ESSAY NO.1

by **Engr. Suthan a/l Venkatachalam, MIEM, P. Eng.**

**SOALAN No.8**

Jurutera-jurutera selalunya diberi tanggungjawab melaksanakan projek-projek besar yang melibatkan amanah jutaan ringgit. Memandangkan jumlah wang yang banyak telah bertukar tangan, kewibawaan dan etika jurutera-jurutera adalah diuji. Apakah langkah-langkah yang dapat diambil oleh seseorang jurutera bagi menangani gejala rasuah dan amalan yang tidak berwibawa dalam kerja mengurangkan kos secara menipu dalam menjaga maruah profesion jurutera?

**JAWAPAN**

Jurutera memainkan peranan yang penting di dalam pembangunan nasional dan masyarakat. Tanpa seseorang jurutera, kita tidak mungkin dapat menikmati bangunan seperti KLCC, Menara Kuala Lumpur, Jambatan Pulau Pinang, lebuhraya dan kereta nasional Proton.

Professionalisme di kalangan jurutera adalah penting bagi menjamin keselamatan dan kesejahteraan masyarakat, harta benda dan alam sekitar. Professionalisme bukan setakat memiliki sijil atau ijazah, tetapi ia sebenarnya merupakan cara seorang jurutera berfikir untuk melakukan sesuatu dengan nilai moral dan etika yang tinggi termasuk menjaga maruah profesion kejuruteraan tanpa melibatkan diri di dalam gejala rasuah dan amalan yang tidak beretika.

Di negara kita, terdapat beberapa kes yang mengaitkan gejala rasuah di kalangan jurutera seperti kes runtuhan bangunan Highland Towers pada tahun 1993 dan kes retakan 'Middle Ring Road 2' (MRR2) pada tahun 2002. Kes-kes seperti ini menjadikan profesion jurutera dipandang rendah oleh masyarakat. Oleh itu, sesuatu perlu dilakukan bagi mengatasi gejala sebegini dikalangan jurutera. Antara langkah-langkah yang boleh diambil oleh seseorang jurutera bagi mengatasi gejala rasuah adalah seperti berikut:

**a) Mematuhi undang-undang dan peraturan yang sedia ada**

Serorang jurutera perlu mengetahui undang-undang dan peraturan yang sedia ada seperti Akta Pendaftaran Jurutera 1967 (Akta 138). Seksyen 15 akta ini menyatakan bahawa seorang jurutera dilarang meminta apajua komisen sewaktu menjalankan tugasnya sebagai seorang jurutera.

Sekiranya beliau tidak mematuhi Akta tersebut, maka beliau harus sedar bahawa beliau boleh dikenakan tindakan seperti surat amaran, denda (tidak melebihi

RM50,000), penangguhan pendaftaran tidak lebih dua tahun atau pembatalan pendaftaran. Oleh itu, seseorang jurutera haruslah mematuhi Akta tersebut dalam menjalankan tugasnya dan juga menjaga profesi jurutera.

Selain daripada Akta Pendaftaran Jurutera, akta-akta lain seperti Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, dan Akta Kilang dan Jentera juga boleh dijadikan panduan bagi seorang jurutera di dalam menjalankan tugas dan tanggungjawabnya, seterusnya menjaga maruah profesion kejuruteraan.

**b) Melaksanakan tugas dan tanggungjawab mengikut prosedur kerja yang betul**

Seseorang jurutera perlu melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya mengikut prosedur kerja yang betul. Misalnya, terdapat 'Standing Order Procedure' (SOP) atau 'Work Flow Chart' yang boleh digunakan untuk melaksanakan sesuatu tugas, dan ini membolehkan jurutera tersebut melaksanakan tugasnya dengan telus dan tanpa terbabit dalam gejala rasuah.

**c) Mempunyai sikap terbuka dan membuat penilaian yang adil**

Seseorang jurutera mesti mempunyai sikap terbuka ('transparent') di dalam menjalankan tugasnya. Sebagai contoh, sekiranya seseorang jurutera terlibat di dalam tender perolehan sesuatu produk sebagai ahli teknikal, beliau seharusnya memahami dokumen tender dan spesifikasi terlibat bagi perolehan peralatan tersebut.

Beliau seterusnya perlu membuat penilaian secara adil ('fair evaluation') terhadap setiap produk yang ditender dan mencadangkan produk yang paling sesuai supaya pihak pengguna mendapat sesuatu yang bermutu tinggi. Melalui sikap terbuka, seorang jurutera akan dapat

(To be continued on page 20)

## ESSAY

mengatasi gejala yang tidak sihat seperti 'duit kop' untuk meluluskan sesuatu tender.

### d) Tidak menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri sendiri ('conflict of interest')

Misalnya, sebagai seorang ketua kumpulan teknikal suatu tender produk, seorang jurutera tidak seharusnya menyalahgunakan kuasa atau menggunakan kuasa veto sebagai ketua kumpulan bagi mempegaruhi ahli-ahli lain untuk memilih sesuatu produk bagi kepentingan diri sendiri.

### e) Membuat pemeriksaan mengejut ('spot check')

Seorang jurutera boleh melaksanakan pemeriksaan mengejut terhadap premis di mana sesuatu projek dijalankan agar dia mengetahui kedudukan sebenar projek tersebut. Beliau boleh membuat pemeriksaan terhadap bahan yang digunakan, memeriksa prosedur kerja dan peralatan yang digunakan dalam projek berkenaan agar produk yang bermutu diperolehi.

### f) Pengauditan kerja ('check and balance')

Seorang jurutera mesti membenarkan kerja-kerja beliau diaudit oleh pihak ketiga (jurutera lain) dan menerima sebarang komen dengan tujuan membina diri sendiri di dalam profesion kejuruteraan.

### g) Membuat sesuatu keputusan kejuruteraan melalui jawatankuasa

Seseorang jurutera seboleh-bolehnya perlu membuat keputusan tentang sesuatu projek melalui satu jawatankuasa yang dilantik supaya satu keputusan sebulat suara diperolehi tanpa ada kepentingan kepada pihak tertentu.

### h) Memastikan agar bahan 'sub-standard' tidak digunakan

Bagi memastikan ketulenan sesuatu bahan bagi sesuatu projek, seseorang jurutera haruslah mendapatkan contoh bahan daripada pembekal untuk dibuat ujian terlebih dahulu agar dapat mengelakkan bahan 'sub-standard'.

### i) Mengamalkan prinsip 'Zero Tolerance' terhadap rasuah

Seorang jurutera perlu melaporkan kesalahan gejala rasuah kepada pihak berkuasa seperti Badan Pencegah Rasuah (BPR) sekiranya terdapat unsur-unsur atau perbuatan rasuah di dalam sesuatu projek atau proses kejuruteraan.

### j) Menjadi lebih kompeten

Seseorang jurutera boleh menjadi kompeten dengan menyertai organisasi seperti IJM serta mengambil bahagian di dalam aktiviti-aktiviti yang dikendalikannya seperti seminar, lawatan, perbincangan dan mesyuarat. Dengan menyertai aktiviti-aktiviti sebegini, seseorang jurutera dapat bertukar informasi, pengetahuan, pengalaman serta idea di mana secara tidak langsung menjadikannya lebih kompeten bagi menangani amalan rasuah ini.

Jurutera memainkan peranan yang penting di dalam meningkatkan sosio-ekonomi sesebuah negara. Oleh itu, seseorang jurutera mestilah mempunyai nilai keperibadian yang tinggi agar gejala rasuah dapat ditangani bagi meningkatkan taraf hidup masyarakat dan negara secara keseluruhannya. ■